

## ALAT-ALAT PERTANIAN TRADISIONAL:

### TENGGA LA DAN PENYISIR

Oleh : WAN NAN WAN MAHMUD (FAWANA)

ARUS pembangunan negara semakin pesat serta diiringi pula oleh penggunaan alat-alat teknologi yang serba canggih pada masa kini. Menjelang abad ke-21 kelak, penduduk negara ini amnya dan di negeri Perlis Indera Kayangan ini khasnya, akan terus terdedah dengan kecanggihan bahan-bahan itu.

Perubahan ini membuatkan kita terlupa akan perkembangan hidup masyarakat zaman lampau, yang saban waktu sering menempuh dugaan paling getir dan mencabar dalam membina kehidupan.

Justeru itu, jika kita imbas kembali corak kehi dupan masyarakat kita - masyarakat Melayu di negeri Perlis ini - sebelum tahun-tahun enam puluhan, masih terdapat banyak kesan yang mencakupi sejarah, budaya dan kesenian yang wujud ketika itu.

Kalau kini kita boleh berhibur melalui radio, televisyen atau wayang gambar, tetapi pada zaman dahulu, permainan seperti canggung, wayang kulit, hadrah, gendang tari inai, silat, biduan (beduan), berenduai, laga lembu dan kerbau dan sebagainya adalah persembahan hiburan. yang sering menjadi tontonan penduduk setempat negeri ini.

Dalam bidang kesenian dan adat istiadat pun demikian juga. Misalnya untuk membajak sawah, tenggala atau pembajak dan penyisir merupakan alat pembajak yang digunakan bagi menyiapkan tapak semaian sehingga boleh ditanam anak-anak padi mereka.

Demikian juga proses menghasilkan beras sehingga boleh dimasak untuk dijadikan nasi. Mereka menggunakan lesung pengisar padi, lesung hindik ataupun lesung tangan.

Bagi mendapatkan manisan daripada pokok tebu pula, `pengapit tebu' dipergunakan. Tebu--tebu yang telah dipotong pendek itu akan dimasukkan ke dalam `pengapit' tersebut. Biasanya kerbau atau lembu digunakan untuk menarik pengapit. Kemudian air tebu yang dihasilkan itu, dimasak dalam kawah sehingga menjadi manisan.

*Tenggala*

Sebenarnya di negeri Perlis ini memang wujud berbagai-bagai adat, budaya dan kesenian tradisional pada masa dahulu. Barangkali anakanak yang lahir pada zaman yang serba canggih ini langsung tidak terlintas di dalam fikiran mereka bahawa orang-orang tua dahulu banyak menyimpan rahsia yang tersendiri. Terutamanya berkaitan dengan perkara-perkara yang disebutkan di atas bagi mengisi kehidupan mereka seharian.

Sebagai menyingkap kembali sejarah silam yang menjurus ke arah pembinaan seni dan budaya ini, maka adalah perlu diketengahkan perkara tersebut secara bersiri melalui jurnal yang amat berharga ini. Mudah-mudahan ia dapat memberikan pengetahuan kepada sekalian pembaca yang budiman.

Dalam siri ini, diperkenalkan dua jenis bahan yang sering digunakan oleh para petani di negeri ini bagi membajak sawah.

## **TENGGA/PEMBAJAK**

ADA dua jenis tenggala/pembajak yang biasa digunakan oleh para petani.

- i) Tenggala/pembajak yang ditarik oleh seekor kerbau atau lembu.
- ii) Tenggala/pembajak yang ditarik oleh dua ekor lembu.

### **Tenggala/pembajak oleh seekor kerbau atau lembu**

Sama ada tenggala/pembajak yang ditarik oleh seekor kerbau atau lembu dan juga yang ditarik oleh dua ekor lembu, pada kelazimannya, buak (batang tenggala) diperbuat daripada kayu halban (kerana mudah dibentuk). Kadangkala ia memang sudah terbentuk semula jadi oleh pokok tersebut serta memudahkan untuk dijadikan sebuah tenggala/pembajak.

Tenggala/pembajak jenis pertama ini berbeza dari tenggala/pembajak jenis kedua. Ia dibentuk sedemikian rupa bagi memudahkan untuk dipasang kepada kerbau atau lembu ketika kerja-kerja membajak hendak diusahakan. Setiap bahagiannya diberi nama tertentu pula. Umpamanya lawi (tempat pemegang), sepak (untuk membalikkan tanah), pai (besi berbentuk tiga segi yang disarungkan kepada hujung sepak untuk menenggalakan tanah), kayu buak (batang tenggala), buaya (bahagian yang terletak di atas tanah), salur remayung (iaitu bahagian hujung tenggala). Biasanya diukir mengikut bentuk dan ilham tukang tenggala itu sendiri.

Tanduk baung (iaitu sebatang kayu kecil yang dimasukkan melalui lubang pada salur remayung sepanjang lebih kurang 24 inci), bentang (sepasang rotan bulat/tali yang dipasang di hujung tanduk baung), kok (sebatang kayu melengkung lebih kurang sebesar lengan yang dipasang ke tengkuk baung) dan pulut pais (iaitu sebatang kayu melengkung yang dibentuk seperti pulut pais – pulut panggang – dipasang dibawah leher kerbau atau lembu yang diikat pada kedua-dua hujung kok supaya kok tidak jatuh).

Bagi mengimbangkan tanduk baung, pada kedua-dua hujungnya diikat dengan seurat dawai kasar dan ditambatkan di tengah-tengah buak tenggala tersebut dengan tegang.

### **Tenggala/pembajak oleh dua ekor lembu**

Ada sedikit perbezaan tenggala/pembajak jenis ini dari jenis pertama. Iaitu buaknya (batang tenggala) lebih panjang dan tidak ada buaya. Ia dipasang terus dari lawi ke salur remayung (hujung buak/batang tenggala tersebut dan diikat di tengah-tengah igu).

**Igu** - iaitu sebatang kayu sepanjang 4-6 kaki yang setiap hujung igu itu dipasang sepasang kayu bulat bergaris pusat lebih kurang 1-1/2 inci sepanjang 12-16 inci untuk dipasang ke atas tengkuk lembu. Kedua-dua batang kayu bulat tadi diikat dengan tali atau akar yang dianyam selebar tali pinggang di bawah leher lembu tersebut (seperti juga pulut


pais yang diikat pada kok atas tengkuk kerbau) supaya igu tersebut tidak terkeluar dari leher lembu.

### **PENYISIR ATAU SISIR**

PENYISIR atau sisir adalah sejenis alat untuk menghalus dan meratakan tanah yang telah ditenggala atau bajak.

Penyisir mengandungi paha, iaitu sebatang kayu sepanjang lebih kurang 4 kaki yang diperbuat daripada batang beruas. Pada paha tersebut ditebuk beberapa lubang kecil untuk dipakukan gigi penyisir tersebut. Gigi penyisir dibuat daripada batang pinang atau batang nibung yang diraut tajam ke hujung (bahagian yang hendak





Gambar rajah alat-alat pertanian tradisional

### *Penyisir*

dimasukkan ke dalam tanah). Biasa juga paha dan gigi penyisir ini dibuat daripada besi yang ditempa dan dibentuk khas.

Pada paha tersebut dibuat tangan yang berpaling; yang juga diperbuat daripada kayu sebagai tempat pemegang. Seperti juga tenggala/pembajak, terdapat dua jenis pengisir yang sering digunakan oleh para petani, iaitu pengisir yang ditarik oleh seekor kerbau atau lembu dan ditarik oleh dua ekor lembu.

Pengisir yang ditarik oleh seekor kerbau atau lembu dipakukan dua batang kayu di kiri dan kanan paha tersebut yang disebut bentang. Kedua-dua hujung bentang pengisir ini diikatkan pada kok seperti juga yang digunakan ketika menenggala/membajak. Manakala untuk pengisir yang ditarik oleh dua ekor lembu pula, kedua-dua bentang tersebut diikat rapat hujungnya untuk diikat di tengah-tengah igu, iaitu pada tempat diikat hujung tenggala.

Bagi mengawal kerbau atau lembu supaya mematuhi arahan tuannya (gembala/petani), tali hidung binatang tersebut akan disambung hingga ke lawi. Dari hujung tali itulah para petani akan mengawal kerbau atau lembu suruhan agar bertugas mengikut arahan mereka.

Demikian serba ringkas tentang alat-alat pertanian tradisional yang digunakan oleh para petani di negeri ini dari zaman ke zaman sebelum wujudnya alat-alat pertanian berteknologi moden dan canggih seperti sekarang.